

AGENDA 5.2.2: LAPORAN PENCAPAIAN OBJEKTIF DAN SASARAN KESELAMATAN MAKLUMAT ISMS**1. TUJUAN**

Kertas ini adalah bertujuan untuk mendapat pertimbangan dan ketetapan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Sistem Pengurusan ISO Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi memastikan laporan pencapaian Objektif dan Sasaran Keselamatan Maklumat bagi tahun 2017 adalah bersesuaian, mencukupi dan berkesan.

2. LAPORAN PENCAPAIAN

Objektif Keselamatan Maklumat dibangunkan bersesuaian dengan fungsi yang terlibat bagi memastikan semua data dan maklumat di UPM adalah selamat. Untuk memastikan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dilaksanakan dengan berkesan, ianya dikenalpasti melalui lima (5) objektif seperti berikut:

- (a) Memastikan semakan penilaian risiko dan plan pemulihan risiko dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun;
- (b) Menjalankan ujian simulasi plan pemulihan bencana ICT sekurang-kurangnya sekali setahun;
- (c) Memastikan 95% sokongan ICT (rangkaian, sistem aplikasi dan pangkalan data) terhadap proses pendaftaran pelajar baharu bebas dari gangguan pada setiap semester;
- (d) Memastikan 100% pelajar yang mendaftar adalah pelajar yang mendapat tawaran; dan
- (e) Memastikan 100% borang permohonan kad pelajar yang diterima diisi dengan lengkap.

Pada tahun 2017, Objektif Keselamatan Maklumat telah disemak dan dikemaskini semula mengambilkira aktiviti perluasan skop ISMS yang melibatkan pihak UPM Kampus Bintulu (UPMKB) bagi skop pendaftaran pelajar baharu prasiswazah. Penetapan objektif ISMS yang baharu ini telah dikemaskini dalam Manual Kualiti Sistem Keselamatan Maklumat (UPM/ISMS/PGR/MP) dan telah dibawa untuk kelulusan bersama menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke - 33 (Khas) Secara Edaran yang diadakan pada 22 Mei 2017 dan telah dikuatkuasa bermula 26 Mei 2017.

Perincian mengenai laporan pencapaian Objektif Keselamatan Maklumat yang baharu bagi tahun 2017 adalah seperti pada **Lampiran 1**. Tiga (3) daripada empat (4) objektif berkenaan hanya dapat diukur semasa kemasukan Pelajar Baharu Prasiswazah Sesi 2017/2018 akan datang.

3. SYOR

Ahli MKSP UPM dimohon:

- (a) mengambil maklum laporan pencapaian Objektif dan Sasaran Keselamatan Maklumat UPM yang baharu bagi tahun 2017; dan
- (b) mengambil perhatian perubahan terhadap Objektif dan Sasaran Keselamatan Maklumat tahun 2017 yang mula dipantau dan diukur keberkesanannya bermula pada 26 Mei 2017 bagi memastikan kesesuaian, kecukupan dan keberkesanan tindakan dalam Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di UPM.

Lampiran 1

AGENDA 5.2.2: LAPORAN PENCAPAIAN OBJEKTIF DAN SASARAN KESELAMATAN MAKLUMAT TAHUN 2017
--

BIL	OBJEKTIF KESELAMATAN MAKLUMAT	SASARAN	PENERAJU	PENCAPAIAN 2016	PENCAPAIAN SEMASA (2017)
1.	Memastikan pelajar prasiswazah yang mendaftar mengemukakan tawaran yang sah	100%	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)	100%	Pengukuran akan dilaksanakan pada sesi kemasukan Pelajar Baharu Prasiswazah 2017/2018
2.	Meningkatkan pembayaran yuran pengajian secara atas talian	80% (UPM Serdang) 60% (UPM Bintulu)	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)	Objektif baharu 2017	Pengukuran akan dilaksanakan pada sesi kemasukan Pelajar Baharu Prasiswazah 2017/2018
3.	Memastikan proses pemulihan sistem aplikasi pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan	≤ 8 jam	Pasukan Pusat Data	Objektif baharu 2017	Simulasi DRP Sistem SMP pada 12 Mei 2017 telah berjaya dilaksanakan pemulihan selepas 3 jam
4.	Memastikan <i>Service Level Agreement</i> (SLA) 95.0 sokongan ICT Pusat Data (rangkaian, sistem aplikasi dan pangkalan data) terhadap proses pendaftaran pelajar baharu bebas dari gangguan setiap semester	95%	Pasukan Pusat Data	Objektif baharu 2017	Pengukuran akan dilaksanakan pada sesi kemasukan Pelajar Baharu Prasiswazah 2017/2018